

Bernama

Putrajaya

Ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho atau Jho Low tidak berani memperdayakan Datuk Seri Najib Tun Razak kerana hubungan baik mereka.

Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Datuk V Sithambaram memberitahu Mahkamah Rayuan di sini, semalam adalah sukar mempercayai Jho Low yang berada dalam kedudukan bawah kepada perayu (Najib) mempunyai keberanian mengaturnya transaksi penipuan.

Ini secara langsung menurutnya, memberi kesan kepada bekas perdana menteri itu.

Sithambaram berhujah demikian di hadapan panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil dalam prosiding rayuan Najib terhadap sabitan dan hukuman penjara kerana penyalahgunaan dana SRC International sebanyak RM42 juta.

Dua lagi hakim yang berbilang ialah Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vaizer Alam Mydin Meera.



Itu sebenarnya sebab Jho Low memastikan dana (dalam akaun) itu ada supaya hubungan dengan perayu tidak terjejas dan seterusnya menimbulkan curiga perayu"

Sithambaram

"Jho Low memainkan peranan penting dalam pengiriman wang RM42 juta daripada SRC ke dalam akaun perayu dan tidak mempengaruhi pemindahan tanpa pengetahuan perayu," tam-

Tak berani tipu Najib

Jho Low memainkan peranan penting dalam pengiriman wang RM42 juta daripada SRC'

bahnya.

Sithambaram menegaskan, hubungan erat antara Jho Low dan Najib disahkan lagi saksi pendakwaan ke-50, bekas Pengarah Urusan Kumpulan AmBank, Cheah Tek Kuang.

"Sebenarnya, Jho Low orang yang memperkenalkan Cheah kepada Najib di kediaman peribadi perayu ketika dia ingin membuka akaun AmBank," katanya.

Ketika menyentuh mengenai usaha Jho Low untuk memastikan kecukupan dana dalam akaun Najib, Sithambaram berkata, Najib bahkan menjelaskan bahawa Jho Low bekerja keras untuk memastikan semuanya bukan cek tendang

atau dia diminta menanyakan status akaunnya, sekali gus mendedahkan transaksi sebenar akaun itu.

"Kini perayu mendakwa menjadi mangsa manipulasi dengan meraih dana (bukan kehilangan) melalui tindakan Jho Low.

"Perayu mengatakan Jho Low membuat banyak wang daripada pembabitannya dalam Terengganu Investment Authority Berhad (TIA), iMalaysia Development Berhad (iMDB) dan SRC.

"Itu sebenarnya sebab Jho Low memastikan dana (dalam akaun) itu ada supaya hubungannya dengan perayu tidak terjejas dan seterusnya menimbulkan curi-

ga perayu," katanya.

Sithambaram berkata, bukti daripada kebanyakan interaksi menerusi sembang BlackBerry Messenger (BBM) antara saksi pendakwaan ke-54, Pengurus Perhubungan Joanna Yu Ging Ping dan Jho Low, mengesahkan dia berkomunikasi dengan Najib berkaitan baki bank dan pengeluaran cek.

"Jho Low tidak mengambill langkah reaktif untuk memastikan cek perayu tidak ditendang," tegas Sithambaram.

Tambah Sithambaram, RM42 juta daripada SRC itu dikatakan sebagai upman meneruskan hubungan antara Jho Low dengan perayu.

Pada 28 Julai tahun lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta ke atas Najib selepas mendapati beliau bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan CBT, perubahan wang haram dan menyalahgunakan kedudukan membabitkan RM42 juta dana milik SRC International.

Pendengaran rayuan itu bersambung.

Balasan pakai telefon curi

Kuala Lumpur: Gara-gara menerima telefon bimbit hasil rompakan berkumpulan, seorang mekanik dihukum penjara 18 bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Izralizam Sanusi menjatuhkan hukuman itu ke atas Ibnu Sina Idris, 28, selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan berkenaan dan bapa anak tiga itu diperintahkan menjalani hukuman penjara bermula dari tarikh ditahan pada 26 Mac lalu.

Tertuduh didakwa dengan curang menerima secara tidak jujur telefon bimbit milik pengurus bangunan Abu Bakar Che Mat, 63, yang tertuduh mengetahui atau ada sebab munasabah mempercayai telefon bimbit itu hasil rompakan berkumpulan.

Kesalahan itu dilakukan di Jalan Tengah 3 Kampung Tengah 6 1/4 Jalan Gombak, di sini jam 5 petang, 26 Mac 2021 mengikut Seksyen 412 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan juga dikenakan denda.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 202091010632 (0118104)



Nantikan 'Seindah Ramadan Bersama Agrobank' pada setiap minggu jam 1.00 tengah hari di sepanjang bulan Ramadan di Facebook dan AgrobankTV

Untuk menonton video, sila imbas Kod QR:



 <p>Ustaz Syed Mohd Norhisham Al Idrus <i>Tarikh Siaran</i> 13 April 2021 (Selasa)/ 1 Ramadan 1442H</p>	 <p>Ustaz Mohd Elyas Bin Ismail <i>Tarikh Siaran</i> 20 April 2021 (Selasa)/ 8 Ramadan 1442H</p>	
 <p>Rahmat Ikhsan / PU Rahmat <i>Tarikh Siaran</i> 26 April 2021 (Isnin)/ 14 Ramadan 1442H</p>	 <p>Ustazah Asma' Harun <i>Tarikh Siaran</i> 29 April 2021 (Khamis)/ 17 Ramadan 1442H</p>	 <p>Da' Afifah Mahmud <i>Tarikh Siaran</i> 6 Mei 2021 (Khamis)/ 24 Ramadan 1442H</p>